 - (g) Pelanggan boleh meminta untuk penghantaran Komoditi di mana-mana cawangan Alliance Bank dengan pemberitahuan terlebih dahulu kepada Bank sebelum Bank menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga. Setelah menerima permintaan Pelanggan, Bank sebagai ejen Pelanggan hendaklah membuat aturan untuk membuat penghantaran bagi pihak Pelanggan. Penyerahan Komoditi hendaklah mengikut prosedur mana-mana penyedia perkhidmatan perdagangan Komoditi yang dilantik oleh Bank. Yuran proses penghantaran dan lain-lain caj penghantaran akan ditanggung oleh Pelanggan. Setelah menerima penyerahan Komoditi, Pelanggan hendaklah membuat pembayaran Harga Jualan kepada Bank secara bertanggung dan Bank dengan segera akan dilepaskan daripada semua liabiliti lanjut berhubung dengan Perjanjian Agensi termasuk kewajipan untuk menjual Komoditi kepada penyedia perkhidmatan perdagangan Komoditi. Tidak akan ada apa-apa pembayaran Fasiliti kepada Pelanggan apabila Pelanggan

menerima penghantaran aset. Pembayaran akan dibuat oleh Bank kepada pembekal perkhidmatan perdagangan komoditi sebagai bayaran untuk komoditi itu.

- (h) Jika sesuatu kecacatan pada Komoditi telah wujud sebelum ia dijual oleh Bank dan ditemui selepas pelaksanaan kontrak jualan, Pelanggan berhak ke atas khiyar al-`ayb (pilihan kecacatan), di mana Pelanggan mempunyai hak untuk :
- (a) menamatkan kontrak jualan;
 - (b) mengubah syarat-syarat kontrak jualan yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkontrak; atau
 - (c) meneruskan kontrak jualan di atas dasar "seadanya".

Apa-apa kecacatan pada komoditi yang ditemui dan dipersetujui oleh Pelanggan ketika saat berkontrak pada setiap kontrak jual beli akan mengecualikan Pelanggan dari kelayakan bagi pilihan kecacatan.

Bank dan Pelanggan boleh saling bersetuju untuk Bank mengeneipkan liabiliti bagi apa-apa kecacatan pada aset tersebut sebelum memasuki kontrak jual beli. Pelanggan boleh bersetuju untuk mengeneipkan liabiliti Bank bagi apa-apa kecacatan pada komoditi yang wujud sebelum kontrak jual beli di antara Bank dan Pelanggan.

Apa-apa pertikaian berkaitan dengan kualiti komoditi itu hendaklah diuruskan mengikut prosedur penyedia perkhidmatan perdagangan komoditi yang dilantik Bank.

- (i) Kontrak jual beli antara Bank dan Pelanggan dibubarkan apabila:
- (a) Pelanggan menguatkuasakan pilihan kecacatan seperti yang dijelaskan pada sub klausa (h) untuk menamatkan kontrak jual beli;
 - (b) sama ada Bank atau Pelanggan memilih pilihan yang telah dipersetujui untuk menamatkan kontrak jual beli dalam tempoh masa yang dipersetujui;
 - (c) sama ada Bank atau Pelanggan memilih untuk menamatkan kontrak jual beli kerana pelanggaran terma dan syarat untuk Fasiliti; atau
 - (d) kedua-dua pihak berkontrak saling bersetuju untuk menamatkan kontrak jual beli. Setelah pembubaran kontrak jual beli, aset itu hendaklah dikembalikan kepada Bank jika ia tidak dijual kepada pihak ketiga dan harga yang dibayar akan dikembalikan kepada Pelanggan. Pembubaran kontrak jual beli itu boleh dikuatkuasakan dengan syarat bahawa aset itu boleh dipulangkan kepada Bank, jika tidak pihak Bank berhak ke atas nilai aset yang perlu dibayar oleh Pelanggan.
- (j) Perubahan pada harga komoditi adalah tertakluk kepada perubahan pasaran dan jumlah pembiayaan tidak akan terjejas. Bank akan menjual dan membeli logam London Metal Exchange melalui Eiger Trading Advisors Ltd., minyak kelapa sawit mentah melalui Bursa Suq Al-Sila' atau komoditi patuh Syariah lain melalui perkhidmatan perdagangan yang diselia oleh pihak Bank.
- (k) Bank tidak akan bertanggungjawab melainkan jika berlaku ta'addi (salah laku), tagsir (kecuaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma tertentu) bagi mana-mana pelantikan seperti yang dinyatakan di atas, dan dalam hal sedemikian, pihak Bank akan bertanggungjawab dan akan membayar pampasan bagi kerugian atau kerosakan termasuk apa-apa kos yang dialami oleh pelanggan.

3. Pembayaran Harga Jualan akan dibuat oleh Pelanggan secara ansuran bulanan seperti mana yang telah dinyatakan dalam Notis Pengeluaran. Tarikh akhir bayaran bulanan dan mesti dibayar adalah pada tarikh 5 haribulan pada setiap bulan atau tarikh lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- (a) Sekiranya pengeluaran berlaku antara tarikh 1 haribulan hingga 5 haribulan pada bulan tersebut, ansuran pertama akan tamat tempoh dan mesti dibayar pada tarikh 5 haribulan pada bulan berikutnya;

- (b) Sekiranya pengeluaran berlaku antara tarikh 6 haribulan hingga 31 haribulan pada bulan tersebut, ansuran pertama akan tamat tempoh dan mesti dibayar pada tarikh 5 haribulan pada bulan selepas bulan berikutnya.

Notis Pengeluaran perlu dibaca dan menjadi sebahagian daripada Borang Permohonan Pembiayaan-i CashVantage. Notis Pengeluaran akan diutamakan sekiranya terdapat percanggahan. Kadar keuntungan ke atas Fasiliti ini adalah berdasarkan kaedah pengiraan kadar rata ("Peraturan 78").

4. Jika nombor akaun yang diberikan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan-i CashVantage adalah akaun bersama dan/atau tidak tepat, maka Pelanggan hendaklah meneruskan pembayaran ansuran bulanan Fasiliti dan sebarang amaun yang masih tidak dibayar berserta dengan sebarang keuntungan terakru, juga apa-apa caj gantirugi dan lain-lain yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam Terma, tanpa mengira sama ada atau tidak Fasiliti telah dikeluarkan dan/atau digunakan oleh pemegang akaun bersama. Pihak Bank tidak bertanggungjawab jika Fasiliti ini didepositkan ke dalam dan/atau dibayar ke akaun yang salah disebabkan dan/atau sebagai hasil daripada apa-apa kecuaiian, peninggalan, penipuan, tidak tepat dan/atau maklumat yang tidak benar dan/atau kesilapan yang diberikan dalam Borang Permohonan Pembiayaan-i Cash Vantage.
5. Gantirugi untuk Tidak Bayar / Lewat Bayar

Sekiranya berlaku kemungkiran/ketiadaan pembayaran dalam tempoh Fasiliti dan sehingga mencapai tarikh matang Fasiliti, pelanggan dikehendaki untuk membayar caj bayaran lewat sebagai gantirugi (ta'widh) berdasarkan kos sebenar pihak Bank yang mana tidak melebihi kadar gantirugi sehingga 1% setahun atau kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas jumlah tunggakan yang terakru dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian.

Sekiranya berlaku kemungkiran yang menyebabkan keseluruhan Fasiliti ditarik balik atau dibawa ke mahkamah bagi tujuan penghakiman sebelum mencapai tarikh matang Fasiliti, pelanggan dikehendaki untuk membayar caj bayaran lewat sebagai gantirugi (ta'widh) berdasarkan kos sebenar pihak Bank yang mana tidak melebihi kadar gantirugi sehingga 1% setahun atau apa-apa kadar maksimum lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (prinsipal dan keuntungan terakru) terakru dari tarikh matang sehingga tarikh penyelesaian atau penghakiman (yang mana lebih awal).

Sekiranya berlaku kemungkiran/ketiadaan pembayaran selepas tarikh matang Fasiliti, Bank akan membuat kutipan caj bayaran lewat sebagai gantirugi (ta'widh) berdasarkan kos sebenar pihak Bank dengan tidak melebihi kadar harian semalaman Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) semasa yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (prinsipal dan keuntungan terakru).

Sekiranya berlaku kemungkiran yang menyebabkan Fasiliti tersebut ditarik balik dan dibawa ke mahkamah bagi tujuan penghakiman, pelanggan dikehendaki untuk membayar gantirugi (ta'widh) pada kadar semasa IIMM yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia ke atas baki tertunggak (tidak termasuk baki caj bayaran lewat yang masih belum dikutip dan lain-lain kos sebelum penghakiman) dari tarikh penghakiman sehingga jumlah penghakiman diselesaikan sepenuhnya.

Meskipun setelah perkara di atas dijelaskan, jumlah gantirugi tersebut tidak akan menjadi jumlah gantirugi terkumpul.

6. Pihak Bank berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat, bayaran fi dan caj-caj Fasiliti pembiayaan dengan memberi sekurang-kurangnya notis dua puluh satu hari (21) hari calendar kepada Pelanggan sebelum perubahan.
7. Pihak Bank boleh mengurangkan amaun Fasiliti yang lebih rendah berdasarkan penilaian kredit dalaman bank. Amaun Pembiayaan yang diluluskan oleh Bank adalah

muktamad dan akan dikreditkan ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Pelanggan dalam Borang Permohonan Pembiayaan-i CashVantage Sebarang pengurangan kepada jumlah Pembiayaan yang dimohon, dan akhirnya diluluskan, tidak akan mempengaruhi intipati dan kesahihan kontrak, dan Pelanggan hendaklah bersetuju untuk menerima pembiayaan bagi jumlah yang diluluskan oleh Bank (seperti pada bahagian G & H dalam Permohonan Pembiayaan-i CashVantage)

8. *Sekiranya keadaan prabayar separa berlaku, jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar bagi Pembiayaan-i CashVantage tidak akan diselaraskan. Jumlah prabayar lebihan akan dikreditkan ke dalam Akaun Pembiayaan-i CashVantage pelanggan secara automatik sebagai bayaran pendahuluan kepada Ansuran Bulanan Pembiayaan-i CashVantage yang seterusnya.*
9. *Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun pelanggan terhadap mana-mana baki di dalam akaun pembiayaan dengan memaklumkan kepada pelanggan terlebih dahulu sekurang-kurangnya dalam masa tujuh (7) hari kalendar. Pihak Bank juga boleh memperuntukkan dana yang ada dalam akaun Pelanggan terhadap baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan selepas pengeluaran notis kepada pelanggan.*
10. *Fasiliti tertakluk kepada syarat tidak berlakunya apa-apa Kejadian Ingkar berikut, dan Harga Jualan penuh atau baki belum bayar, serta apa-apa jumlah lain yang perlu dibayar mengikut terma ini, akan menjadi perlu dibayar jika diminta sekiranya Pelanggan:*
 - (a) *ingkar dalam pembayaran apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah perjanjian ini atau mana-mana satu atau lebih ansuran atau sebahagian daripadanya atau apa-apa jumlah atau wang yang perlu dibayar di bawah Aqad Jualan Komoditi, atau mengikut pendapat Bank, akaun Pelanggan telah diurusniagakan secara tidak memuaskan; atau*
 - (b) *gagal mematuhi atau melaksanakan apa-apa perjanjian, kontrak, penentuan, terma dan syarat yang perlu dipatuhi atau dilaksanakan olehnya; atau*
 - (c) *meninggal dunia atau menjadi tidak waras; atau*
 - (d) *tidak berupaya membayar hutangnya atau menggantung pembayaran perjanjian atau memasuki apa-apa perjanjian atau perlaksanakan dengan kreditor atau melakukan tindakan bankrap; atau*
 - (e) *mempunyai hutang lain tanpa mengira bagaimana ia terhasil dengan Bank atau mana-mana pihak ketiga yang perlu dibayar sebelum matang mengikut termannya oleh kerana keingkaran beliau atau sebaliknya, atau sekuriti bagi hutang tersebut perlu dikuatkuasakan, termasuk akibat kegagalan beliau membayar dalam tempoh yang ditetapkan apa-apa hutang yang berlaku; atau*
 - (f) *mempunyai beban atau pelaksanaan yang dikenakan atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana hartanya; atau*
 - (g) *untuk apa-apa sebab apa-apa jaminan atau sekuriti yang diserahkan kepada Bank untuk bayaran Fasiliti ini akan ditamatkan atau luput di atas apa-apa sebab atau jika penjamin dan/atau penyedia menjadi ingkar di bawah terma dokumen jaminan dan/atau dokumen atau meninggal dunia atau menjadi tidak waras atau digulung atau melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan; atau*
 - (h) *berhenti atau mengancam memberhentikan perniagaannya atau memindahkan atau menghapuskan atau berhasrat untuk memindahkan atau menghapuskan sebahagian besar asetnya atau menukar atau bercadang untuk menukar jenis atau skop perniagaannya berbeza daripada apa yang dijalankan sekarang; atau*
 - (i) *mempunyai petisyen yang dikenakan terhadapnya bagi kebangkrapan atau pemegang amanah, atau pengawai rasmi yang sama, dilantik ke atas semua atau sebahagian daripada asetnya atau jika pelaksanaan atau apa-apa bentuk tindakan dikenakan atau diambil terhadap asetnya; atau*
 - (j) *mengikut pendapat Bank, menjalankan apa-apa perubahan atau ancaman perubahan dalam keadaan yang mana akan memberi kesan buruk dan material terhadap keadaan perniagaan atau kewangan atau keupayaan melaksanakan obligasi di bawah Fasiliti, atau apa-apa perjanjian lain dengan Bank; atau*

- (k) membuat pernyataan atau jaminan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan-i CashVantage ini atau sebaliknya kepada Bank yang tidak benar, mengelirukan daripada segi material atau salah; atau
- (l) dengan sebab apa-apa perubahan dalam keadaan, undang-undang atau peraturan yang terpakai atau dalam penterjemahan atau aplikasinya yang mana menjadi kesalahan bagi Bank untuk mematuhi obligasi yang terkandung di dalam perjanjian ini atau untuk terus menyediakan Fasiliti; atau
- (m) mempunyai mana-mana akaun semasanya ditutup oleh mana-mana bank mengikut keperluan DCHEQS, termasuk akaun semasanya dengan Bank, sama ada persendirian atau bersama dengan lain mestipun telah dilaksanakan dengan memuaskan.
11. Duti Setem 0.50% [mengikut Akta Duti Setem 1949 (semakan 1989) akan ditolak terlebih dahulu daripada Jumlah Pembiayaan yang diluluskan sebelum mengkreditkan bakinya ke dalam akaun simpanan atau akaun semasa Pelanggan dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan seperti yang dinyatakan oleh Pelanggan dalam Borang Permohonan Pembiayaan-i CashVantage.
12. Semua yuran guaman (mengikut asas peguam dan klien) yang ditanggung oleh Bank berkaitan atau berhubung dengan atau berlaku disebabkan Fasiliti dan/atau penguatkuasaan Bank terhadap haknya di bawah Fasiliti perlu dibayar oleh Pelanggan dan mungkin, mengikut budi bicara Bank, didebitkan kepada akaun Pelanggan yang dinyatakan dengan Bank atau mana-mana akaun lain Pelanggan dengan Bank.
13. Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya menilai Terma ini ketika memohon Fasiliti, dan dinasihatkan untuk mendapat nasihat undang-undang bebas berkaitan Terma. Pelanggan mengesahkan bahawa tiada jaminan, janji, pengakuan atau perjanjian kolateral telah dibuat oleh atau dengan Bank, secara lisan atau sebaliknya, dan walaupun jika ada, yang mana tidak disertakan di dalam Terma ini akan menjadi luput dan tidak akan terikat secara undang-undang ke atas Bank atau dibangkitkan sebagai pembelaan atau sokongan apa-apa tuntutan oleh Pelanggan dalam mana-mana prosiding undang-undang.
14. Bank akan menggunakan apa-apa wang pembayaran yang diterima awal untuk Ansuran sebagai bayaran terlebih dahulu, kemudian untuk wang tertunggak yang lain, dengan budi bicara untuk menyemak semula keutamaan sekiranya wajar. Jika apa-apa amaun yang diterima atau dikutip berkaitan liabiliti Pelanggan menurut perjanjian ini atau sebahagian daripadanya kurang daripada jumlah yang perlu dibayar, Bank akan menentukan jumlah dan turutan keutamaan tersebut dan amnya mengikut keperluan.
15. Pihak Bank berhak (namun tidak wajib) pada bila-bila masa dengan 7 hari notis mengumpulkan, menyatukan atau menggabungkan semua atau sebarang akaun-akaun dan tanggungan-tanggungan semasa Pelanggan dengan dan kepada Pihak Bank, sama ada di dalam atau luar Malaysia, sama ada secara perseorangan atau bersama-sama dengan individu-individu lain; dan untuk memindah dan/atau mengenenpikan apa-apa wang di dalam kredit salah satu atau mana-mana akaun tersebut bagi tujuan memenuhi sebarang jumlah wang yang terhutang atau tanggungjawab atau tanggungan Pelanggan terhadap Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia, sama ada sebagai pihak utama atau penjamin, sama ada semasa atau pada masa akan datang, nyata atau yang diambil kira, secara utama atau sampingan, perseorangan atau bersama atau bersamaan dengan individu-individu lain, dan untuk melaksanakan keperluan pertukaran mata wang pada kadar pertukaran Bank semasa.
16. Sekiranya kesan dari mana-mana undang-undang atau peraturan atau perubahan yang berkaitan, meningkatkan kos Bank untuk menyediakan, mengekalkan atau membiayai Fasiliti ini atau mengurangkan pulangan efektif kepada Bank, Bank berhak meminta pembayaran bagi amaun tersebut yang dianggap perlu untuk pampasan dimana ia adalah jumlah kos sebenar yang dikeluarkan.

17. Jika Pelanggan membuat keputusan untuk membayar Harga Jualan sebelum tarikh atau tarikh-tarikh matang yang berkaitan Bank akan memberikan Rebat (Ibra') terhadap baki Harga Jualan.

18. Rebat (Ibra')

Bank akan memberikan Rebat (Ibra') pada tarikh penyelesaian berdasarkan formula seperti yang dinyatakan di bawah ini sekiranya berlaku mana-mana senario berikut:

(i) Penebusan/penyelesaian awal, di mana Pelanggan telah memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank;

$\text{Amaun Penyelesaian} = \text{Jumlah Fasiliti Belum Selesai} + \text{untung kena bayar} - \text{rebat (ibra')} + \text{Pelbagai caj}$

Di mana:

$\text{Rebat (ibra')} = \text{Keuntungan tertunda} - \text{Caj penyelesaian awal}$

(ii) Penyelesaian pembayaran kerana penyusunan semula Fasiliti pembiayaan;

$\text{Amaun Penyelesaian} = \text{Jumlah Fasiliti Belum Selesai} + \text{untung kena bayar} - \text{rebat (ibra')} + \text{caj pembayaran lewat} + \text{Pelbagai caj}$

Di mana:

$\text{Rebat (ibra')} = \text{Keuntungan tertunda} - \text{Caj penyelesaian awal (jika ada)}$

(iii) Penyelesaian oleh Pelanggan di mana Fasiliti pembiayaan mungkin; dan

$\text{Amaun Penyelesaian} = \text{Jumlah Fasiliti Belum Selesai} + \text{untung kena bayar} - \text{rebat (ibra')} + \text{caj pembayaran lewat} + \text{caj lain-lain}$

Di mana:

$\text{Rebat (ibra')} = \text{Keuntungan tertunda} - \text{Caj penyelesaian awal (jika ada)}$

(iv) Penyelesaian oleh Pelanggan sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

$\text{Amaun Penyelesaian} = \text{Jumlah Fasiliti Belum Selesai} + \text{untung kena bayar} - \text{rebat (ibra')} + \text{caj pembayaran lewat} + \text{Pelbagai caj}$

Di mana:

$\text{Rebat (ibra')} = \text{Keuntungan tertunda} - \text{Caj penyelesaian awal (jika ada)}$

Nota: Pelbagai caj merujuk kepada yuran dan caj yang perlu dibayar berhubung dengan Fasiliti pembiayaan yang diberikan oleh Bank.

19. Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj dari pihak Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai yang mungkin akan dikenakan pada masa hadapan di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut dan di mana terpakai, pihak Bank berhak untuk menuntut kembali cukai tersebut daripada pelanggan.

20. Pelanggan bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank dan pegawainya dan pekerjaanya untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat mengenai butir-butir Pelanggan dan hal ehwal (kewangan atau sebaliknya), butiran akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan perkara lain yang berhubungan dengan Pelanggan atau

perniagaannya dan operasi kepada mereka-mereka seperti di bawah dengan mengikut cara yang sedemikianya dan setakat mengikut budi bicara yang Bank fikirkan perlu untuk Fasiliti ini:

- (a) Syarikat-syarikat berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 6 Akta Syarikat 1965 atau mana-mana syarikat bersekutu Bank (Bank bersama-sama dengan yang tersebut di atas syarikat-syarikat berkaitan/bersekutu secara kolektifnya dirujuk sebagai "Alliance Bank Group") dan pemegang serah hak dan pengambil alih perniagaan. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Alliance Bank Group adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Alliance Bank Group dengan syarat bahawa pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak akan dilaksanakan jika pendedahan dibantah oleh Pelanggan dengan pemberitahuan bertulis kepada Bank;
- (b) mana-mana orang bagi atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan kembali wang yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank;
- (c) badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia termasuk di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat;
- (d) Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (jika berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM);
- (e) Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tidak Laku, biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit;
- (f) akauntan Bank, juruaudit, peguam, penasihat, perunding dan/atau ejen lain yang diberi kuasa seperti yang diperlukan untuk pelaksanaan fungsi, tugas dan obligasi yang sepatutnya kepada Bank dan Alliance Bank Group;
- (g) pembekal perkhidmatan kepada Bank, calon, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu dengannya untuk menjalankan fungsi dan aktiviti Bank;
- (h) pihak luar yang mungkin diperlukan untuk sebarang pelaksanaan korporat / aktiviti usaha wajar dijalankan oleh Bank dan/atau Alliance Bank Group;
- (i) mana-mana pihak yang pada masa depan menyatakan hasratnya untuk mengambil alih kepentingan / pegangan saham dalam Bank/menurut apa-apa cadangan pengatutan, komposisi, penggabungan, pemerolehan / penstrukturan semula antara Bank dan pihak-pihak terlibat;
- (j) mana-mana orang atau entiti yang lain dengan persetujuan Pelanggan terlebih dahulu; dan
- (k) pihak keselamatan / penjamin atau mana-mana pihak yang menyediakan cagaran berkenaan dengan Fasiliti;

Pelanggan dengan ini bersetuju terhadap pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan Perbankan Alliance, pegawai dan pekerjanya tidak akan bertanggungjawab atas pemberian maklumat itu bagi tujuan Fasiliti ini.

21. Pelanggan dengan ini mengisytiharkan dan bersetuju melalui Akuan tersebut di Borang Permohonan Pembiayaan-i CashVantage bahawa sebarang data/maklumat (termasuk maklumat peribadi) berkenaan dengan atau berikutan dengan atau berhubung dengan Pelanggan sama ada di sini atau sebaliknya akan disimpan, diguna dan didedah oleh Bank untuk tujuan pemprosesan permohonan ini.
22. Kelewatan atau kegagalan Bank melaksanakan apa-apa hak, kuasa keistimewaan atau remedi yang terakru ke atas Bank mengikut perjanjian ini atau mengikut undang-undang atau ekuiti selepas keingkaran oleh Pelanggan tidak akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau ditafsirkan sebagai pengecualian atau persetujuan ke atas keingkaran itu. Tiada tindakan oleh bank berkenaan terhadap

sebarang keingkaran atau persetujuan sekiranya keingkaran tersebut akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi bank itu berkenaan sebarang kejadian sebelum atau selepas keingkaran.

23. Apa-apa peruntukan Terma ini yang dilarang atau tidak boleh dilaksanakan mengikut undang-undang (sama ada Syariah atau bukan) akan menjadi tidak efektif sehingga sejauh mana larangan atau ketidaklaksanaan tersebut tanpa membatalkan atau memberi kesan terhadap baki Terma atau pengesahan atau pelaksanaan apa-apa Terma di dalam apa-apa bidang kuasa lain yang sah.
24. Sekiranya Pelanggan menarik balik permohonan Pembiayaan-i CashVantage ini pada bila-bila masa selepas penyerahan (tidak termasuk pengeluaran sebelum kelulusan atau penolakan), Pelanggan dikehendaki untuk membayar semua perbelanjaan undang-undang, pengeluaran dan lain-lain caj yang ditanggung oleh Bank kerana menyediakan Fasiliti ini untuk Pelanggan.
25. Selain daripada perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam Surat Tawaran, permintaan, notis, permintaan atau komunikasi lain yang diberikan oleh atau bagi pihak Bank kepada Pelanggan akan dianggap telah diberikan kepada atau dilayani, dan telah diterima oleh Pelanggan:
 - (a) sekiranya dihantar melalui faksimili, pada hari penghantaran yang mana telah disahkan oleh laporan penghantaran yang dihasilkan atau dihasilkan oleh atau dari mesin faksimili oleh atau dari mana permintaan, notis, permintaan atau lain-lain komunikasi yang dihantar melalui faksimili;
 - (b) sekiranya dihantar melalui penghantaran peribadi atau kurier, pada ketika ia dihantar ke atau ditinggalkan di alamat Pelanggan yang diperlukan atau dibenarkan;
 - (c) sekiranya dihantar melalui pos berdaftar prabayar atau biasa, tiga (3) hari selepas (dan tidak termasuk) tarikh pengeposan. Bagi tujuan pembuktian, memadai apabila berjaya membuktikan permintaan, notis, permintaan atau lain-lain komunikasi yang dialamatkan dengan tepat dan diposkan ke alamat yang terakhir yang berdaftar atau yang berada dalam maklumat Bank;
 - (d) sekiranya dihantar melalui surat elektronik atau sistem pesanan ringkas (SMS), semasa penghantaran surat elektronik atau pesanan teks yang dihantar melalui sistem pesanan ringkas;
 - (e) sekiranya dipaparkan di laman web Bank, pada masa pertama kali maklumat diposkan di laman web Bank;
 - (f) sekiranya dipaparkan di atau mana-mana tempat perniagaan, cawangan atau premis Bank, serta-merta efektif pada mula-mula dipaparkan;
 - (g) sekiranya diterbitkan dalam satu terbitan akhbar nasional harian pilihan Bank, dengan serta-merta efektif pada mula-mula penerbitan tersebut; atau
 - (h) sekiranya dimasukkan ke dalam penyata akaun yang diberikan oleh atau kepada Pelanggan atas nama Bank, pada ketika penyata akaun dicetak akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan.
26. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan Bank secara bertulis mengenai sebarang perubahan pada alamat surat-menyurat, alamat surat elektronik atau nombor telefon bimbit.
27. Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa pengesahan atau pengakuan secara bertulis olehnya atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa atas namanya atau penghakiman (jika gagal atau diperolehi melaluinya) atau sebarang penyata/sijil yang menunjukkan jumlah yang perlu dibayar di bawah pembiayaan yang disahkan oleh pegawai Bank akan menjadi bukti konklusif dan mengikat terhadapnya untuk apa-apa tujuan termasuk sebagai bukti muktamad mengenai jumlah yang perlu dibayar di bawah pembiayaan Fasiliti di mahkamah Undang-Undang.
28. Pelanggan mengesahkan bahawa beliau tidak akan menggunakan Fasiliti ini untuk sebarang tujuan yang tidak bermoral atau menyalahi undang-undang atau perubahan

wang atau membantu mana-mana perkara yang tersebut di atas. Pelanggan mengakui di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 dan/lain-lain undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan, Bank adalah bertanggungjawab untuk melaporkan kegiatan terbabit kepada Bank Negara Malaysia dan atau mana-mana badan undang-undang yang berkaitan, Bank, pegawai Bank dan pekerja Bank adalah tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas setiap laporan yang dibuat.

29. Fasiliti yang diluluskan adalah tertakluk kepada Undang-undang Malaysia. Masa, di mana-mana sahaja yang dinyatakan bagi kelayakan Pelanggan terhadap Terma ini dan tanggungjawabnya adalah inti pati. Bank mempunyai hak untuk mengubah pelaksanaan hak dan liabilitinya di bawah Fasiliti ini.
30. Tertakluk kepada pengesahan yang sewajarnya, pihak Bank boleh bergantung kepada dan bertindak ke atas apa-apa arahan secara lisan atau bertulis yang diterima daripada pelanggan melalui apa-apa cara yang boleh diterima oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui telefon, permohonan secara dalam talian atau faksimili. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pelanggan dalam apa-apa cara sekiranya pihak Bank bertindak dengan jujur atas arahan itu walaupun didapati kemudiannya terbukti bahawa arahan tersebut tidak diberikan oleh pelanggan, atau bagi apa-apa salah faham atau kesilapan, kehilangan, kelewatan, atau kerugian yang dialami akibat daripada tindakan Bank menuruti atau menyetujui dengan arahan atau permintaan tersebut.